

PM: Wawasan IDB perlu komitmen negara OIC

UMM - 24/3/2006

KUALA LUMPUR 23 Mac - Semua kerajaan anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu berikrar menggunakan kekuatan politik untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Wawasan 1440 Hijrah Bank Pembangunan Islam (IDB) memartabatkan imej Islam dan ummah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, pelancongan wawasan itu hari ini perlu menjadi titik tolak perubahan umat Islam menjadi masyarakat antarabangsa yang makmur dan dina-

Matlamat meningkatkan taraf hidup dan imej Islam boleh dicapai jika kita berjaya melaksanakan strategi yang digariskan dalam wawasan

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

mik menjelang tahun 2020.

Untuk itu, Abdullah yang juga Pengerusi OIC berkata, negara-negara Islam perlu menyediakan kepimpinan yang berkebolehan dan berkeupayaan, berkongsi dan menggu-

nakan sumber secara strategik, memperluas dan mengurus kemahiran untuk melaksanakan pelbagai tugas dan mengekalkan

■ **Lihat muka 2**

PM: Wawasan IDB perlu komitmen negara OIC

stamina bagi mencapai matlamat wawasan.

Pendek kata, tegas beliau, kunci utama bagi menjayakan matlamat Wawasan 1440 Hijrah IDB ialah kerjasama erat antara negara Islam dan perpaduan di kalangan anggota IDB dan OIC.

"Kita tidak boleh melencong daripada perjalanan melakukan transformasi merealisasikan wawasan dalam tempoh 14 tahun akan datang kerana ia tanggungjawab kita.

"Matlamat untuk meningkatkan taraf hidup umat Islam dan memperbaiki imej Islam boleh dicapai jika kita berjaya melaksanakan strategi yang digariskan dalam wawasan," katanya ketika melancarkan Laporan Wawa-

san 1440 Hijrah IDB pada Mesyuarat Ketiga Suruhanjaya Wawasan 1440 Hijrah IDB di sini hari ini.

Hadir sama pengerusi suruhanjaya itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Presiden IDB, Dr. Ahmed Mohamed Ali dan Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Hala tuju

Perdana Menteri bangga dalam tempoh tidak sampai setahun, suruhanjaya tersebut telah berjaya menghasilkan dokumen lengkap yang akan merencanakan hala tuju negara-negara Islam dalam bidang ekonomi dan sosial serta kemakmuran ummah.

Perdana Menteri berpendapat pembangunan kekuatan ekonomi negara-negara Islam boleh dipercepatkan jika umat Islam berfikir secara kreatif dan berusaha melakukan lonjakan termasuk merangka strategi baru untuk menghadapi persekitaran global yang sering berubah.

Bagi beliau, hanya dengan cara itu umat Islam dapat menentukan daya saing dan mengekalkan kedudukannya yang betul dalam komuniti dunia.

Dalam hal ini, Abdullah berkata, Suruhanjaya Wawasan 1440 Hijrah IDB boleh menjadi pemantau kepada pelaksanaan wawasan dengan mewujudkan kumpulan kerja tertentu di bawahnya.